

## **TikTok Bukan Sekadar Untuk Tayang Tarian Gelek**



Oleh : Normalyana Binti Mat Nawi

*Universiti Sains Islam Malaysia*

*Diterbitkan pada 5 Ogos 2021*



Logo TikTok yang sangat popular ketika ini.

TikTok adalah jaringan media sosial dalam platform video yang diperkenalkan oleh Zhang Yiming pada 2016 dan dimiliki oleh ByteDance. Penggunaan tiktok sangat popular di Malaysia ketika ini.

Aplikasi ini juga merupakan jejaring sosial dalam bentuk video dan setiap pengguna boleh membuat video dengan penapis yang disediakan serta menggunakan lagu-lagu tular berdurasi antara 15 saat hingga 3 minit.

Video yang dirakamkan boleh juga dikongsikan dalam aplikasi media sosial lain seperti WhatsApp, Facebook dan Instagram.

Ketika dunia dilanda krisis wabak COVID-19, ramai orang meluangkan masa mereka dengan menggunakan aplikasi TikTok.

Tanggapan mengaitkan aplikasi TikTok dengan tempat gelek sememangnya tidak asing lagi kerana terdapat individu yang sanggup menyangkan tubuhnya dengan berjoget tanpa rasa malu di khalayak ramai semata-mata untuk menjadi terkenal.

Walau bagaimanapun, kita tidak boleh memandang dari sudut negatif semata-mata sedangkan banyak lagi manfaat yang kita peroleh daripada aplikasi tersebut.

Pemilik akaun Twitter @Migmalaya berkata, aplikasi TikTok bukan sahaja untuk hiburan seperti menari, menyanyi dengan suara latar yang lucu tetapi terdapat manfaat lain dari segi perniagaan, pendidikan, travel, tips kehidupan dan nasihat kewangan.

Aplikasi TikTok juga melatih kita supaya berani menonjolkan diri di hadapan kamera dengan berkongsi perkara-perkara yang memberi manfaat dan secara automatiknya dapat menambah kenalan kita.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dalam Irsyad al-Fatwa siri ke-472 yang disiarkan dalam laman sesawang rasminya menyatakan bahawa hukum bermain TikTok dalam Islam adalah dibenarkan dan digalakkan sekiranya hiburan itu memberi kesan yang baik kepada individu dan masyarakat.

Namun, hukumnya haram sekiranya membawa keburukan kepada individu dan masyarakat iaitu melakukan perbuatan yang bercampur dengan perkara yang diharamkan syarak.

Kita yang bertanggungjawab untuk mengurus aplikasi tersebut sama ada ingin memandu ke arah jalan kebaikan atau kerosakan.

Aplikasi TikTok juga sangat relevan untuk pendidikan. Ini adalah kerana kebanyakan pelajar mempunyai akaun TikTok dan memudahkan guru-guru serta pensyarah untuk memanfaatkan aplikasi tersebut dan membantu dalam proses pembelajaran dan pengajaran secara kreatif.

Ada juga sesetengah guru atau pensyarah memberikan tugas kepada pelajar untuk merakamkan video berdurasi selama 15 hingga 60 saat dan video tersebut harus dikongsikan dalam TikTok.

Inisiatif tersebut memerlukan kreativiti dan usaha yang bersungguh-sungguh bagi memastikan mesej yang disampaikan jelas dan menarik.

Seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tuanku Lailatul Shahreen, Kangar, Perlis, Norlida Muhd Pisol, 37, memilih menggunakan TikTok sebagai salah satu medium untuk mengajar mata pelajaran Sejarah.

Beliau berkata, ramai pelajarinya gemar menggunakan aplikasi Tiktok dan dari situlah beliau mendapat idea untuk menggunakan platform ini untuk mengajar dan mendidik remaja dengan cara yang mereka suka.

Melalui aplikasi TikTok juga, kita dapat menambah ilmu pengetahuan tentang ilmu-ilmu baharu kerana terdapat video-video tutorial seperti cara melilit tudung serta cara menyunting gambar dan video.

Ramai juga usahawan yang berkongsi motivasi dan tips perniagaan melalui aplikasi TikTok. TikTok juga mempunyai akaun perniagaan dan membolehkan mereka membina strategi pemasaran yang padu di platform ini.

Para usahawan boleh mempromosikan dan berkongsi maklumat produk mereka melalui video-video yang kreatif dan menarik.

Manfaatkanlah aplikasi TikTok dengan sebaik-baiknya. Buang tanggapan serong kononnya TikTok hanya digunakan untuk mereka yang gemar bergelek.

Sebenarnya, ramai yang menggunakan TikTok untuk menyampaikan ilmu yang berfaedah termasuk para pendakwah yang berkongsi video pendek tentang Islam.